

Kerjasama dengan bukan Islam, 'kafir' tapi...

Pas melutut kepada DAP

BH 12 JUL 1986

JOHOR BAHRU, Jumaat — Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tuduhan Pas bahawa mereka yang bekerjasama dengan bukan Islam adalah 'kafir' kini berbalik semula kepada Pas yang mengadakan pakatan dengan bukan Islam.

"Sebaliknya apa yang dilakukan oleh Pas sekarang adalah lebih buruk lagi kerana mereka mencari dan

memohon daripada DAP untuk bekerjasama dalam barisan pembangkang mereka," katanya di pelancaran ulang tahun Barisan Nasional anjuran BN Pulau di Tampoi di sini, petang ini.

Sambil merujuk kepada berita penubuhan Harakah Keadilan Rakyat yang ditaja oleh Pas, Perdana Menteri berkata Pas sudah sampai ke peringkat yang lebih teruk lagi hingga sanggup melutut kepada DAP bagi mendapatkan kerjasama itu.

Menurutnya, Pas yang dahulunya melemparkan tuduhan 'kafir' kepada mereka

Oleh ZAM ZAM OMAR

yang bekerjasama dengan bukan Islam, kini sepatutnya melemparkan tuduhan yang sama kepada diri mereka sendiri.

Beliau berkata, Pas yang mengadakan kerjasama dengan bukan Islam di sesebuah negeri tetapi apabila mereka kembali kepada penyokong mereka di Kelantan, misalnya, mereka menafikan ada melakukan kerjasama itu.

Perbuatan mereka ini jelas menunjukkan bahawa mereka malu untuk mengakui bahawa mereka bekerjasama dengan bukan Islam sedangkan bagi

BN, kita terang-terang menyatakan kerjasama antara kaum kerana kita orang yang benar dan jujur serta menerima hakikat yang sebenar.

Beliau berkata berbeza dengan perjuangan Pas, BN tidak berjuang untuk kepentingan kumpulan tertentu tetapi untuk rakyat dan negara supaya kita menjadi rakyat yang berbangga terhadap negeranya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selagi BN terus memiliki dua pertiga daripada majoriti dalam Dewan Rakyat, masyarakat majmuk di negara ini akan terus menikmati kemakmuran, keamanan serta mencapai kejayaan dalam setiap bidang yang dikehendaki.

Menurutnya, BN sudah membuktikan dirinya sebagai parti yang dapat menyatukan masyarakat berbilang keturunan di negara ini dan dunia sendiri mengakui bahawa melalui perpaduan ini kita dapat mencapai keamanan dan kemakmuran.

Beliau berkata kerjasama antara kaum ini hanya wujud dalam BN dan tidak mungkin ada dalam parti-parti lain.

"Parti-parti pembangkang hanya pandai bercakap tetapi mereka tidak boleh membawa keamanan kepada negara ini," katanya.

Menurutnya, majoriti dua pertiga yang dimiliki oleh BN tidak menjadikan kerajaan

BN angkuh dan sombong dalam pemerintahannya seperti yang didakwa oleh pembangkang, tetapi kita sentiasa mendampingi rakyat dan memberi segala peruntukan yang perlu untuk kesejahteraan semua.

"Kita memberikan segala peruntukan dan bantuan untuk pembangunan rakyat kerana kita sayangkan rakyat jelata dan cintakan kepada negara ini," katanya.

Menurutnya, BN bukan sebuah parti yang tamakkan kuasa tetapi sebaliknya mengagih-agihkannya kepada semua pihak yang ingin melihat negara ini terus damai.

"Bagi pembangkang, terutamanya wakil rakyat, mereka hanya berjuang untuk mempertahankan kedudukan sendiri dan memikirkan sama ada dipilih atau tidak menduduki kerusi Parlimen akan datang," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Ini berbeza dengan pemimpin BN yang terus menumpukan perhatian kepada parti dan terbukti dengan kejayaan yang dapat dilihat kini, tambah beliau.